

## **Najib Tamatkan Spekulasi Dengan Berkata P/Raya Umum Bukan Tahun Ini mStar Online**

**November 11, 2011**

**Oleh JOSEPH SIPALAN & YUEN MEI KENG**

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak menamatkan sebarang spekulasi mengenai pilihan raya umum yang ke-13 dengan menegaskan bahawa ia tidak akan diadakan pada tahun ini.

Bercakap kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN) di PWTC di sini, beliau malah berkata, tarikh pilihan raya umum tidak pun dibincangkan pada mesyuarat berkenaan.

Katanya, mesyuarat BN pada hari ini hanya menyentuh soal bagaimana untuk mengukuhkan BN sebelum berhadapan dengan pilihan raya umum akan datang. Beliau juga menegaskan bahawa BN sebenarnya tidak menentang sebarang cadangan supaya rakyat Malaysia yang berada di luar negara dibenarkan mengundi.

Katanya, BN secara prinsipnya tidak mempunyai sebarang isu mengenai cadangan berkenaan tetapi apa yang perlu difikirkan ialah bagaimanakah langkah tersebut dapat dilaksanakan kerana ia agak rumit dan kompleks tidak semudah memperkatakannya.

"Kita tidak langsung menentang cadangan itu tetapi kita harus bercakap dan memikirkan bagaimanakah dari sudut logistik ia boleh dilakukan yang mana ia bukanlah mudah untuk dilakukan," ujar perdana menteri.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/11/11/mstar\\_berita/20111111203902&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/11/11/mstar_berita/20111111203902&sec=mstar_berita)